

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Bertulis**

**DARIPADA : Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ]**

**SOALAN : Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan memandangkan pada masa ini, ikan yang ditangkap oleh nelayan Pulau Langkawi yang mana ikan tersebut hendak dihantar ke luar, contohnya ke Kuala Kedah, akan dihantar melalui kargo yang perjalannya mengambil masa 2 hari. Ini akan menyebabkan harga ikan akan jatuh dan tak dapat dijual dengan harga mahal. Adakah Kementerian akan bercadang berkerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi membolehkan ikan tersebut dihantar melalui feri penumpang dengan syarat ikan tersebut dibungkus dengan elok.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Laut Malaysia mengenai isu-isu yang melibatkan pengangkutan di laut. Mulai tahun 2014, pihak Jabatan Laut Malaysia telah menghentikan kebenaran penghantaran bekalan hasil laut menggunakan pengangkutan feri kerana barang hasil laut tidak dibungkus dengan kemas dan tidak mengikut piawaian serta mengeluarkan bau yang boleh mengganggu keselesaan penumpang.

Kementerian dan Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah berbincang dengan pihak Jabatan Laut Malaysia

mengenai perkara ini dan bersedia untuk berbincang dengan lebih lanjut bersama Kementerian Pengangkutan bagi mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

Pada masa ini, bekalan ikan di Pulau Langkawi adalah mencukupi bagi keperluan penduduk Langkawi. Namun, lebihan bekalan hanya berlaku mengikut musim tertentu sahaja. Oleh yang demikian, sebagai langkah penyelesaian sementara, nelayan yang menghadapi lebihan ini disyorkan supaya mendaratkan terus ikan sama ada di Kuala Perlis atau Kuala Kedah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN**

**: BERTULIS**

**DARIPADA**

**: DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD**

**KAWASAN**

**: LANGKAWI**

**NO. SOALAN**

**: 8**

**Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI AHMAD** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berikut syarikat PROTON akan memindahkan kilangnya dari Shah Alam ke Tanjung Malim, apakah sebabnya dan apakah keuntungannya kepada negara.

**Jawapan**

Berdasarkan Pelan Perniagaan 5 Tahun syarikat, PROTON mensasarkan kapasiti pengeluaran berjumlah 350,000 unit menjelang tahun 2016, yang mana kedua-dua kilang, iaitu di Shah Alam dan Tanjung Malim adalah diperlukan bagi mencapai sasaran pengeluaran tersebut untuk model-model bersaiz kecil, sederhana dan besar.

Kedua-dua kilang tersebut telah direka bentuk untuk mengeluarkan model-model tertentu, iaitu kilang di Tanjung Malim lebih sesuai untuk pengeluaran model-model bersaiz kecil dan sederhana, manakala kilang di Shah Alam mempunyai keupayaan untuk mengeluarkan model-model bersaiz besar daripada kilang skala sederhana (*Medium Volume Factory*

- MVF) dan model-model bersaiz kecil dan sederhana daripada kilang utama (*Main Plant*).

Bagi mengoptimumkan penggunaan kapasiti kilang di Tanjung Malim dan untuk mencapai skala ekonomi, model-model baharu dan terkini PROTON akan dikeluarkan di kilang Tanjung Malim. Kilang di Shah Alam pula akan terus mengeluarkan model-model sedia ada seperti Saga, Satria Neo, Inspira dan Exora.

Selaras dengan sasaran-sasaran yang telah ditetapkan di dalam Pelan Perniagaan 5 Tahun PROTON, perancangan sedang dibuat supaya operasi pengeluaran untuk pasaran tempatan dan ASEAN dapat ditempatkan di satu lokasi, iaitu di Tanjung Malim. Rancangan terperinci sedang dikaji dan dibangunkan memandangkan jumlah pelaburan yang tinggi, jangka hayat mesin dan peralatan bagi kedua-dua kilang yang mesti dimanfaatkan secara optimum dan mengambil kira risiko pengeluaran yang terpaksa diberhentikan untuk jangka masa tertentu bagi memudahkan proses pemindahan daripada Shah Alam ke Tanjung Malim.